



**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2008**

**BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN**

**September**

50 minit

**011**

**Lima puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

**[Lihat sebelah  
SULIT**

**Soalan 1 – 19**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.


- 1 Kucing peliharaan Salmah \_\_\_\_\_ adik saya yang menarik ekornya.
  - A mengais
  - B mencakar
  - C menggaru
  - D mencengkam
  
- 2 Pak Cik Sani sudah berusia 84 tahun. \_\_\_\_\_, dia masih berupaya untuk mengusahakan kebun buah-buahannya.
  - A Namun demikian
  - B Di samping itu
  - C Sekalipun
  - D Walhal
  
- 3 Beberapa pihak dari luar negara telah menjalankan kajian tentang \_\_\_\_\_ tradisional masyarakat Melayu.
  - A tumbuh-tumbuhan
  - B ulam-ulaman
  - C kayu-kayuan
  - D ubat-ubatan
  
- 4 Menurut rakan Hashimah yang juga berjaya dalam pelajaran, antara faktor kejayaan \_\_\_\_\_ adalah kerana kerap mengadakan perbincangan.
  - A kita
  - B saya
  - C kamu
  - D mereka

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.




- 5 Puan Zaleha mengambil selimut \_\_\_\_\_ menyelimutkan anaknya yang kesejukan itu.
- A lalu
  - B kerana
  - C sambil
  - D sementara
- 6 Encik Chong \_\_\_\_\_ kebunnya dengan kawat berduri supaya tidak dicerobohi binatang liar.
- A dipagari
  - B pagarkan
  - C memagar
  - D dipagarkan
- 7 Pergerakan pemain bola keranjang yang \_\_\_\_\_ itu sukar dikawal oleh pihak lawan.
- A gopoh
  - B lincah
  - C goyah
  - D ligat

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



- 8 Beberapa \_\_\_\_\_ cendawan tumbuh pada batang pokok getah yang reput.
- A kaki
  - B kuntum
  - C tangkai
  - D kelopak



- 9 Mak Minah duduk di bawah rumah sambil \_\_\_\_\_ lidi untuk dibuat penyapu.
- A menghiris
  - B mengikis
  - C melarik
  - D meraut


- 10 Murid yang berminat untuk menjadi pengawas perpustakaan perlu menjalani \_\_\_\_\_ terlebih dahulu.
- A uji kaji
  - B uji bakat
  - C temu duga
  - D temu ramah
- 11 Rajan \_\_\_\_\_ apabila diminta untuk menjawab soalan itu kerana dia sedang berkhayal.
- A tersentak-sentak
  - B terpinga-pinga
  - C terlihat-lihat
  - D terkial-kial
- 12 Kejadian tanah runtuh di lereng bukit itu berpunca \_\_\_\_\_ hakisan tanah.
- A di
  - B dari
  - C pada
  - D daripada
- 13 Maziah memberitahu abangnya tentang \_\_\_\_\_ keluarga mereka semasa abangnya itu berada di perantauan.
- A perihal
  - B peribadi
  - C peribumi
  - D peribahasa

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah.



- 14 Hassan menggunakan galah untuk \_\_\_\_\_ dahan pokok yang sekah itu.
- A mengambil
  - B memetik
  - C mengait
  - D mencantas
- 15 Projek yang telah dirancang itu akan melibatkan \_\_\_\_\_ orang ibu bapa murid.
- A para
  - B semua
  - C beberapa
  - D sesetengah
- 16 Cikgu Hafiz menjelaskan bahawa rasa pisang itu \_\_\_\_\_ kerana belum cukup masak.
- A manis
  - B kelat
  - C pahit
  - D tawar

Soalan 17 berdasarkan gambar di bawah.



- 17 Pemain hoki pasukan Kuala Lumpur sedang \_\_\_\_\_ pemain Johor dalam perlawanan akhir itu.
- A mengasak
  - B menampan
  - C menyerang
  - D mengelecek
- 18 “Nampaknya kita terpaksa \_\_\_\_\_ kerana bekalan makanan semakin sedikit,” kata ketua pengakap itu kepada rakan-rakannya.
- A alas perut
  - B ikat perut
  - C makan hati
  - D makan garam
- 19 Pasukan badminton negara \_\_\_\_\_ menang dalam perlawanan malam ini sekiranya \_\_\_\_\_ melangkah ke peringkat akhir.
- A harus ... dapat
  - B mesti ... boleh
  - C sudah ... mahu
  - D perlu ... hendak

20 Wakil rakyat selalu mengingatkan masyarakat di kawasannya supaya menjauhi persengketaan.

**Perkataan seerti** bagi persengketaan ialah

- A pertarungan
- B perdebatan
- C perbalahan
- D persaingan

21 Hanya murid yang bersemangat kental akan dipertimbangkan untuk menyertai program kembara itu.

**Perkataan berlawanan** bagi kental ialah

- A lemah
- B longlai
- C lembut
- D lesu

### Soalan 22 – 23

*Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*

- 22
- I Kereta abang telah uzur benar dan perlu diganti.
  - II Saya berharap agar beliau uzur diri daripada jawatan ini.
  - III “Kalau tiada uzur, saya pasti ke rumah awak,” kata Pak Husin.
  - IV Encik Selamat tidak dapat menghadiri mesyuarat itu kerana beliau uzur.
- A I dan III sahaja
  - B II dan IV sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D II, III dan IV sahaja

- 23 I Polis cuba mencungkil rahsia daripada orang yang disyaki itu.  
II Aktiviti mencungkil bijih timah di kaki bukit itu giat dijalankan.  
III Abang sedang mencungkil batu kecil yang terlekat pada tapak kasutnya.  
IV Pertandingan badminton untuk mencungkil bakat baharu akan diadakan minggu depan.
- A I dan III sahaja  
B II dan IV sahaja  
C I, III dan IV sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 24 *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.*  
Mengapakah kaki kamu terseliuh?
- A Saya tidak nampak lantai itu licin.  
B Saya tergelincir di bilik mandi.  
C Saya berlari keliling padang.  
D Saya kurang memberikan perhatian.
- 25 *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.*  
Murid-murid itu sedang menghias perpustakaan.
- A Bagaimanakah murid-murid itu menghias perpustakaan?  
B Siapakah yang berada di perpustakaan?  
C Di manakah murid-murid itu berhias?  
D Apakah yang dilakukan oleh murid-murid itu?

**Soalan 26 – 27**

*Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

- 26** “Kamu mestilah membalas surat itu dengan segera,” kata Encik Ismail kepada Azhar.
- A Encik Ismail mengarahkan Azhar supaya segera menjawab surat itu.
  - B Encik Ismail segera menyuruh Azhar menjawab surat itu.
  - C Encik Ismail segera menghantar surat itu untuk Azhar.
  - D Encik Ismail meminta Azhar segera menulis surat itu.
- 27** Cikgu Aida melarang murid-muridnya memijak rumput yang baru ditanam itu.
- A “Kita tidak dibenarkan memijak rumput yang baru ditanam ini,” kata Cikgu Aida kepada murid-muridnya.
  - B “Kamu tidak dibenarkan memijak rumput yang baru ditanam ini,” kata Cikgu Aida kepada murid-muridnya.
  - C “Jangan pijak rumput yang baru ditanam itu,” kata murid-murid kepada Cikgu Aida.
  - D “Mereka memijak rumput yang baru ditanam itu,” kata Cikgu Aida kepada murid-muridnya.

**Soalan 28 – 30**

*Pilih ayat yang betul.*

- 28**
- A Sila nyanyikan sebuah lagu irama asli, sudah lama saya tidak mendengarnya.
  - B Tolong jangan bersandar pada dinding itu, catnya belum kering lagi.
  - C Minta makan kuih yang saya hidangkan itu.
  - D Jemputlah duduk dahulu, nanti saya panggil emak di dapur.
- 29**
- I Masalah kesesakan lalu lintas mesti diselesaikan dengan segera.
  - II “Janganlah bercakap bila sedang makan,” kata ibu kepada Amran.
  - III Karangan itu perlu disiapkan oleh Siti sebelum menghadiri kelas komputer.
  - IV Zakiah menjadi juara di dalam pertandingan deklamasi sajak.
- A I dan III sahaja
  - B II dan IV sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D II, III dan IV sahaja

- 30 I Baju kurung itu dibuat daripada kain sutera.  
II Adik suka bermain-main di halaman rumah di waktu petang.  
III Pelumba-pelumba basikal itu saling potong-memotong.  
IV Dua naskhah surat khabar dibeli oleh ayah setiap hari.
- A I dan IV sahaja  
B II dan III sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja

**Soalan 31 – 35**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

KLUANG, Khamis – Karnival Bahasa Melayu anjuran Panitia Bahasa Melayu Daerah Kluang telah diadakan di Dewan Sekolah Kebangsaan Impiana. Karnival ini diadakan untuk menggalakkan murid-murid mencintai bahasa Melayu serta mengenal pasti bakat murid dalam pelbagai aktiviti bahasa. Selain itu, tujuannya adalah untuk membantu murid-murid mahir berbahasa. Pengerusi panitia memaklumkan bahawa karnival ini merupakan program tahunan.

Beberapa acara pertandingan dijalankan seperti syarahan, berpidato, bercerita, kuiz dan menulis karangan. Pertandingan deklamasi sajak yang terbuka kepada semua murid Tahap Dua di daerah Kluang telah mendapat *sambutan hangat*. Para peserta telah mendeklamasikan sajak dengan penuh semangat.

Johan setiap pertandingan menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan hadiah iringan. Pemenang kedua dan ketiga menerima sebuah trofi dan sijil penghargaan manakala peserta-peserta lain menerima sijil penyertaan sahaja. Semua hadiah disumbangkan oleh Majlis Guru Besar daerah ini.

Karnival itu diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah yang disempurnakan oleh Pegawai Pelajaran Daerah Kluang. Pihak panitia telah mendapat pujian daripada pegawai tersebut kerana telah berjaya menganjurkan program yang amat berfaedah itu. Dalam ucapan penutup, beliau berharap agar para pemenang pertandingan tersebut terus dibimbing sebagai persediaan untuk menyertai pertandingan peringkat negeri yang akan diadakan pada bulan Mei nanti. Bagi beliau, kejayaan pada peringkat negeri itu nanti akan mengharumkan nama daerah ini. Murid-murid Sekolah Kebangsaan Saujana telah mempersembahkan sebuah sketsa selepas ucapan Pegawai Pelajaran Daerah.

- 31 Siapakah yang menganjurkan pertandingan tersebut?
- A Pengerusi Majlis Guru Besar.
  - B Pegawai Pelajaran Daerah Kluang.
  - C Panitia Bahasa Melayu Daerah Kluang.
  - D Panitia Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Impiana.
- 32 Hadiah kepada pemenang bagi semua pertandingan itu disampaikan oleh
- A Pegawai Pelajaran Daerah Kluang.
  - B Guru Besar Sekolah Kebangsaan Saujana.
  - C Guru Besar Sekolah Kebangsaan Impiana.
  - D Pegawai Panitia Bahasa Melayu Daerah Kluang.
- 33 Apakah acara yang dipersembahkan sebaik-baik sahaja tetamu kehormat selesai berucap?
- A Berpidato
  - B Bercerita
  - C Syarahan
  - D Sketsa
- 34 Yang berikut ialah tujuan Karnival Bahasa Melayu **kecuali**
- A mendorong murid-murid agar mencintai bahasa Melayu.
  - B menggalakkan murid-murid agar menguasai bahasa Melayu.
  - C mengetengahkan kebolehan murid-murid yang mengambil bahagian.
  - D melatih murid-murid menggunakan bahasa Melayu dalam pertandingan.
- 35 Rangkai kata *sambutan hangat* dalam petikan bermaksud
- A menyampaikan sesuatu dengan penuh semangat.
  - B menerima penyertaan yang amat menggalakkan.
  - C melakukan dengan bersungguh-sungguh.
  - D mendapat perhatian daripada orang lain.

**Soalan 36 – 40**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Cerpen ‘Kasih Sejati’ yang saya baca dalam Majalah Ilmu telah menceritakan kasih sayang antara dua beradik, iaitu Jamilah dan Rokiah. Jamilah memberikan layanan yang istimewa kepada Rokiah dengan sentiasa melayani segala kemahuan adiknya. Dia tidak mahu adiknya berasa susah hati dengan penyakit lumpuh yang dideritainya.

Dia sering meluangkan masa bersama-sama Rokiah. Tujuannya agar Rokiah tidak berasa keseorangan menanggung penderitaan itu. Sebenarnya, Jamilah sendiri sibuk mengulang kaji pelajarannya untuk menjadi pelajar yang cemerlang.

Jamilah sentiasa *meniupkan semangat* kepada Rokiah agar adiknya dapat berjalan semula, dapat belajar dan berjaya dalam pelajaran. Jamilah telah mencuba sedaya upaya memimpin Rokiah berjalan setiap hari walaupun Rokiah sudah hampir berputus asa. Hal ini kerana doktor telah menyatakan bahawa harapan adiknya untuk sembuh agak tipis.

Semasa di Tingkatan 4, Jamilah telah memilih aliran sains kerana dia bercita-cita untuk menjadi doktor bagi membolehkannya merawat Rokiah. Pada masa yang sama, Rokiah sendiri terus belajar dengan gigih walaupun dia dalam keadaan lumpuh.

Cerpen yang saya baca itu berakhir dengan Rokiah telah sembuh daripada penyakitnya dan berjaya memperoleh segulung ijazah. Kejayaan itu berpunca daripada keyakinan diri yang ditanam oleh kakaknya. Jamilah pula telah berjaya menjadi doktor.

- 36 Mengapakah Rokiah berasa susah hati?
- A Ditinggalkan seorang diri
  - B Risau tentang pelajarannya
  - C Menghidapi penyakit lumpuh
  - D Gagal memenuhi impian kakaknya
- 37 Apakah pengorbanan Jamilah kepada adiknya?
- A Membantu doktor merawat adiknya
  - B Belajar sehingga memperoleh ijazah
  - C Sanggup membantu adiknya berjalan setiap hari
  - D Memulihkan adiknya selepas berjaya menjadi doktor
- 38 Punca utama yang membawa kejayaan Rokiah berjalan semula ialah
- A keikhlasan dan kasih sayang daripada kakaknya.
  - B cabaran doktor dan ketabahan dirinya.
  - C kecekalan hati dan keyakinan dirinya.
  - D dorongan dan semangat daripada kakaknya.
- 39 Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan.
- A Jamilah masih belum mencapai cita-citanya.
  - B Rokiah merupakan pelajar yang tekun.
  - C Jamilah mengesahkan bahawa adiknya akan sembuh.
  - D Rokiah sangat yakin bahawa dia dapat berjalan semula.
- 40 Apakah maksud rangkai kata *meniupkan semangat* dalam petikan?
- A Menunjukkan ketabahan
  - B Memberikan perangsang
  - C Menjalani pemulihan
  - D Membina ketahanan

**KERTAS SOALAN TAMAT**